

APLIKASI PEMODELAN PERSAMAAN STRUKTUR DALAM MENGKAJI TANGGUNGJAWAB POLITIK PELAJAR IPTA

APPLICATION OF STRUCTURAL EQUATION MODELING IN STUDYING THE POLITICAL RESPONSIBILITY AMONG STUDENTS OF PUBLIC HIGHER EDUCATION INSTITUTE

Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan¹

Fakulti Pengurusan dan Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia.
(Email: ummi@kuis.edu.my)

Panji Hidayat Mazhisham²

Fakulti Pengurusan dan Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia.
(Email: panjihidayat@kuis.edu.my)

Mansor Mohd Noor³

Institut Kajian Etnik (KITA),
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
(Email: mnmansor@ukm.edu.my)

Received date: 03-10-2019

Revised date: 10-10-2019

Accepted date: 15-10-2019

Published date: 15-10-2019

To cite this document: Zan, U. M. S. M., Mazhisham, P. H., & Mohd Noor, M. (2019). Aplikasi Pemodelan Persamaan Struktur Dalam Mengkaji Tanggungjawab Politik Pelajar IPTA. *International Journal of Politics, Public Policy and Social Work*, 1(2), 01-11.

DOI: 10.35631/ijppsw.12001

Abstrak: Pandangan dan pendapat pelajar IPTA mampu merubah landskap politik dan pentadbiran negara pada masa hadapan. Kajian ini mengkaji tanggungjawab politik pelajar IPTA yang didefinisikan sebagai tindakan keluar mengundi semasa pilihan raya kampus dan status pendaftaran sebagai pengundi dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Sampel kajian adalah daripada lima buah Universiti Penyelidikan (UP) dengan jumlah 1349 orang pelajar dan diperoleh daripada Institut Kajian Etnik (KITA). Tujuan kajian adalah untuk membangunkan satu model awal tanggungjawab politik pelajar. Kaedah analisis yang digunakan adalah pemodelan persamaan struktur. Hasil analisis menunjukkan analisis faktor pengesahan menunjukkan data kajian sepadan dengan empat pemboleh ubah pendam tanggungjawab politik iaitu media, persepsi, penglibatan dan literasi politik. Tanggungjawab politik paling dipengaruhi oleh literasi politik selain daripada persepsi dan penglibatan.

Kata Kunci: Pelajar, Universiti Penyelidikan, Tanggungjawab Politik, Literasi Politik, Pemodelan Persamaan Struktur

Abstract: *The views and opinions of Public Higher Education Institute (PHEI) students could change the landscape of politics and administration in the future. This study examined the political responsibility of students which is defined as an act of turnout in the campus election process and the status of registration as a voter with the Election Commission (EC). The samples for this study were taken from five research universities (RU) with a total of 1349 students and the data is obtained from the Institute of Ethnic Studies. The purpose of this study was to develop an initial model of political responsibility. The analysis used is structural equation modeling. Confirmatory factor analysis showed that the data of study correspond to the four latent variables in the measurement models of political responsibility which are media, perception, involvement and political literacy. Political literacy is the most influential factor for political responsibility besides perception and involvement.*

Keywords: Students, Research University, Political Responsibility, Political Literacy, Structural Equation Modeling

Pengenalan

Golongan pelajar merupakan kumpulan sasaran dan aset utama bangsa yang berperanan menjayakan wawasan 2020. Menurut Rosmida (1997), mahasiswa dianggap sebagai agen perubahan masyarakat. Golongan ini dapat memberikan satu kelainan baru dalam mengajak masyarakat berfikir. Penglibatan pelajar dalam pilihan raya kampus sekurang-kurangnya mencerminkan kesedaran mereka tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai warga kampus.

Pada pilihan raya kampus yang lepas, peratusan keluar mengundi bagi kebanyakan Universiti Penyelidikan (UP) tidak mencapai tahap peratusan yang memuaskan kecuali Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan nilai 85.43 peratus. Universiti Kebangsaan Malaysia mencatatkan peratusan keluar mengundi paling rendah iaitu 50.06 peratus (Berita Harian Online 24 Februari 2011). Terdapat banyak faktor yang menjadi punca kurangnya kesedaran pelajar untuk mengundi dalam pilihan raya kampus. Antara faktor yang dikenal pasti adalah sikap sambil lewa dan menganggap pilihan raya kampus bukan perkara yang penting (Nizam 2003).

SPR menyatakan bahawa terdapat 3.7 juta rakyat Malaysia yang layak mengundi tetapi tidak mendaftar sebagai pemilih (*myMetro Online*). Mengundi ialah proses penting dalam sistem pemerintahan demokrasi dan rakyat berperanan menentukan hala tuju negara. Menurut Mohd. Shuhaimi (1995), perkembangan gerakan mahasiswa tidak dapat dibendung dengan kewujudan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) pada tahun 1971, malah ada pengkaji politik kampus menganggap zaman awal AUKU ini lebih hebat dari sebelumnya. Politik kampus melibatkan dua kelompok pelajar iaitu majoriti pasif dan minoriti kuat berpolitik. Hala tuju pembangunan negara akan terjejas jika generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara terlibat dalam kegiatan dan membuat keputusan politik tanpa fakta yang jelas dan penuh emosi.

Oleh itu, sebagai seorang pelajar IPTA, mereka perlu mengetahui mengenai politik negara kerana mereka yang akan meneruskan kelangsungan pembangunan seperti yang telah dirancang dan mengantikan tampuk kepimpinan yang sedia ada. Tahap pengetahuan, kefahaman dan tanggungjawab politik di kalangan pelajar perlu dinilai untuk dijadikan rujukan penting mengenai politik pada masa akan datang. Hasil atau dapatan kajian ini dapat digunakan untuk membentuk modal insan yang berkualiti seterusnya menjadi penentu nilai sesebuah negara.

Faktor-Faktor Kajian

Terdapat tujuh faktor yang dikaji iaitu umur, identiti pelajar, media, persepsi, penglibatan, literasi politik dan tanggungjawab politik. Ahli **demografi** biasanya mementingkan statistik tentang kelahiran, kematian dan migrasi kerana ketiga-tiga pemboleh ubah ini ialah komponen yang melibatkan perubahan kependudukan. Komponen ini diukur melalui kadar kelahiran, kematian dan perpindahan penduduk yang menentukan saiz kependudukan, komposisi umur dan bagaimana sesuatu kependudukan itu berkembang (Caldwell 1996). Pemboleh ubah **demografi** ini amat penting terutama dalam perancangan pembangunan, pendidikan, kesihatan, infrastruktur, dan aspek sosial yang lain. Bagi kajian ini, fokus demografi adalah umur pelajar.

Identiti dalam kajian ini merujuk kepada ciri-ciri pelajar yang ingin dikenali serta konsep 1Malaysia. Media terbahagi kepada dua iaitu media massa dan media elektronik. Mc Combs dan Becker (1979) berpendapat sistem politik sesebuah negara berkait rapat dengan elemen media cetak yang mempunyai isi kandungan mengenai politik dan pentadbiran sesebuah negara. Pendedahan kepada media yang mengandungi isu-isu politik akan mempengaruhi pengetahuan dan meningkatkan kecenderungan untuk keluar mengundi (Claes & Hajo 2006). Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000: 1025), persepsi merupakan gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera) atau tanggapan. Persepsi dalam kajian ini merupakan persepsi pelajar terhadap isu universiti dan isu kerajaan pusat.

Penglibatan pelajar dalam kajian ini terdiri daripada tiga kategori iaitu pertubuhan, kokurikulum dan persatuan. Kegiatan kokurikulum dapat mengukuhkan interaksi antara pelajar dan sekali gus memupuk integrasi antara kaum di samping memupuk sifat kesopanan, berdikari, kerajinan bekerja, berdisiplin dan patuh kepada undang-undang yang boleh membentuk pelajar supaya menjadi warganegara yang berguna (Wee 1996). Literasi politik adalah matlamat latihan untuk pemerintahan sendiri, kefahaman politik dan prosedur dalam pendidikan serta tujuan untuk mengundi (Wormald 1988). Merujuk kepada Denver dan Hands (1990), literasi politik adalah pengetahuan dan pemahaman mengenai proses politik dan isu-isu politik. Pengetahuan terhadap politik telah terbukti mempunyai kesan yang positif ke atas penyertaan politik (Indriani 2014 & Jung et al. 2011). Kaid et al. (2007) menyatakan golongan muda atau belia kurang terlibat dalam politik kerana kurang pengetahuan dalam politik. Tanggungjawab politik pelajar boleh terbahagi kepada dua iaitu tindakan untuk keluar mengundi pilihan raya kampus dan status pendaftaran sebagai pengundi dengan SPR.

Data Kajian dan Metodologi

Data kajian ini diperoleh daripada Institut Kajian Etnik (KIT) yang berjumlah 1349 orang pelajar dari lima buah Universiti Penyelidikan (UP). Berdasarkan kepada skop kajian, pengkaji memilih lima buah Universiti Penyelidikan iaitu UM, UTM, USM, UPM dan UKM sebagai langkah awal dalam memodelkan tanggungjawab politik pelajar. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan secara kebarangkalian iaitu pensampelan berkelompok (*cluster sampling*) kerana melibatkan lima buah universiti tersebut.

Pengukuran bagi identiti, persepsi isu universiti dan persepsi isu kerajaan pusat, adalah dengan tiga skala iaitu tidak setuju, setuju dan lain-lain. Pengetahuan politik pula diukur melalui jumlah menjawab tahu berbanding tahu sedikit dan tidak tahu manakala kefahaman politik diukur berdasarkan jumlah soalan yang dijawab betul. Kesemua data yang diperoleh dalam kajian ini akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 19, AMOS 19 dan *Microsoft Excel*.

Kajian ini menggunakan kaedah pemodelan persamaan struktur (structural equation modeling, SEM). Kelebihan menggunakan SEM ialah tidak wujud kaedah statistik tunggal untuk mengukur atau menguji hipotesis mengenai model (Hair et al. 2006). Umumnya terdapat pelbagai jenis indeks kesepadan untuk mengukur darjah kesepadan di antara data yang digunakan dengan model yang diutarakan. Pengkaji memilih *Goodness-of-Fit Index* (GFI), *Tucker-Lewis Index* (TLI), *Comparative Fit Index* (CFI) dan *Root Mean Square Error of Approximation* (RMSEA) sebagai indeks kesepadan kajian ini. SEM merupakan gabungan di antara teknik analisis faktor dan regresi berganda yang mempunyai beberapa kelebihan iaitu menggunakan persamaan serentak, mampu memeriksa kesahihan dan *reliability* instrumen melalui *Confirmatory Factor Analysis* (CFA), menguji model struktural di antara boleh ubah pendam, menentukan model yang sesuai, mampu menguji konsep yang tidak boleh diperhati dan mengukur ralat tidak hanya pada peringkat dimensi (Hair et al. 2006).

Pemboleh ubah yang boleh diperhatikan menggunakan simbol segi empat bujur (*rectangle*) dan yang tidak boleh diperhatikan menggunakan simbol *oval*. Pemboleh ubah endogenous dan exogenous dalam SEM merujuk kepada pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas dalam model regresi. Dalam kajian ini, pemboleh ubah endogenous yang boleh diperhati adalah saluran berita, laman web sosial, blog dilayari, isu universiti, isu kerajaan pusat, persatuan, kokurikulum, pertubuhan, kefahaman politik, pengetahuan politik dan tanggungjawab politik. Pemboleh ubah endogenous yang tidak boleh diperhati adalah persepsi, penglibatan dan literasi politik. Pemboleh ubah exogenous yang boleh diperhati adalah identiti pelajar dan umur manakala pemboleh ubah exogenous yang tidak boleh diperhati adalah media, er1, er2, er3, er4, er5, er6, er7, er8, er9, er10, er11, er12, er13 dan er14 (er bermaksud ralat). Jadual 1 menunjukkan nilai titik potong bagi setiap indeks kesepadan yang dipilih bagi kajian ini.

Jadual 1: Indeks Kesepadan

Indeks Kesepadan	Nilai Titik Potong	Rujukan
GFI (Goodness-of-Fit Index)	$GFI \geq 0.95$	Schermelleh-Engel et al. (2003)
TLI (Tucker-Lewis Index)	$TLI \geq 0.80$	Daire et al. (2008)
CFI (Comparative Fit Index)	$CFI \geq 0.90$	Hu & Bentler (1999)
RMSEA (Root Mean Square Error of Approximation)	$0.00 \leq RMSEA \leq 0.05$	Schermelleh-Engel et al. (2003)
Nilai p (RMSEA < 0.05) atau PCLOSE	$0.10 \leq p \leq 1.00$	Schermelleh-Engel et al. (2003)

Hasil Analisis dan Perbincangan


Jumlah keseluruhan pelajar Universiti Penyelidikan (UP) yang terlibat adalah seramai 1349 orang. Majoriti pelajar yang terlibat adalah perempuan iaitu 68.9 peratus dan selebihnya adalah lelaki iaitu 31.1 peratus. Responden terdiri daripada yang berumur 18 tahun sehingga melebihi 29 tahun tetapi majoriti pelajar berumur dari 21 hingga 23 tahun iaitu seramai 943 orang (69.9%). Seramai 198 orang (14.7%) berumur dari 18 hingga 20 tahun diikuti 118 orang (8.7%) dan 79 orang (5.9%) bagi yang berumur 24 hingga 26 tahun dan melebihi 29 tahun. Hanya sebelas orang (0.8%) yang berumur melebihi antara 27 hingga 29 tahun.

Majoriti pelajar UP yang terlibat adalah Melayu (67.9%) dan minoriti adalah lain-lain iaitu 18 orang (1.3%). Bagi etnik Cina, India, Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak, masing-masing adalah sebanyak 17.9 peratus, 4.7 peratus, 4.7 peratus dan 3.4 peratus. Daripada 1349 orang responden, seramai 653 orang mengambil bidang sastera di UP, diikuti oleh bidang sains iaitu 454 orang, bidang profesional seramai 140 orang serta bidang teknikal seramai 102 orang. Seramai 482 orang (35.7%) berada dalam tahun pengajian dua dan minoriti berada dalam tahun pengajian empat iaitu seramai 83 orang (6.2%). Bagi pelajar yang berada dalam tahun pengajian tiga adalah 451 orang (33.4%) manakala 333 orang (24.7%) responden yang berada dalam tahun pengajian satu.

Tanggungjawab politik pelajar diukur melalui tindakan untuk mengundi dalam pilihan raya kampus lepas dan mendaftar sebagai pengundi dengan SPR.

Dalam kajian ini, boleh ubah pendam media dan penglibatan diwakili oleh tiga item pengukuran manakala boleh ubah pendam persepsi dan literasi politik diwakili oleh dua item pengukuran seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1. Kesepadan keseluruhan bagi model pengukuran ini ditentukan oleh analisis faktor pengesahan. Kesepadan model pengukuran dalam model hipotesis dengan data kajian adalah amat penting bagi semua boleh ubah pendam kerana jika item pengukuran tidak sepadan dengan boleh ubah pendamnya dalam model pengukuran, model persamaan strukturnya mempunyai kebolehpercayaan yang rendah. Oleh sebab terdapat empat model pengukuran wujud dalam model tersebut maka empat hipotesis yang akan dijalankan adalah:

- H₁: Data kajian sepadan dengan model pengukuran bagi media
- H₂: Data kajian sepadan dengan model pengukuran bagi persepsi
- H₃: Data kajian sepadan dengan model pengukuran bagi penglibatan
- H₄: Data kajian sepadan dengan model pengukuran bagi literasi politik



Rajah 1: Model Hipotesis Kajian

Nilai nisbah kritikal (*critical ratio*) dalam Jadual 3 menunjukkan kesignifikan pekali regresi piawai dalam model pengukuran antara setiap pemboleh ubah pendam dengan pemboleh ubah indikatornya. Nilai nisbah kritikal yang berada di luar lingkungan ± 1.96 atau ± 2.58 dianggap sebagai signifikan pada aras signifikan 5 peratus dan 1 peratus. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa nilai nisbah kritikal bagi regresi antara pemboleh ubah pendam media dengan ketiga-tiga pemboleh ubah indikatornya iaitu blog dilayari, penglibatan dalam laman web sosial dan saluran berita adalah di luar ± 2.58 . Oleh itu, ketiga-tiga pemboleh ubah indikator tersebut merupakan pemboleh ubah peramal yang signifikan pada aras $p<0.001$ bagi media. Nilai pekali regresi bagi saluran berita ditetapkan sebagai 1 dalam model, maka nilai nisbah kritikalnya tidak ditunjukkan.

Bagi regresi antara pemboleh ubah-pemboleh ubah pendam media, penglibatan dan literasi politik dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah indikatornya, nilai nisbah kritikal adalah lebih besar daripada 2.58 pada aras signifikan 1 peratus manakala regresi antara pemboleh ubah pendam persepsi dengan isu universiti dan isu kerajaan pusat, nilai nisbah kritikal adalah lebih besar daripada 1.96 pada aras signifikan 5 peratus. Oleh itu, semua hipotesis nul dapat ditolak dan menunjukkan bahawa data kajian sepadan dengan keempat-empat model pengukuran yang dibentuk oleh pemboleh ubah pendam dan pemboleh ubah-pemboleh ubah indikatornya. Hasil analisis ini mengesahkan bahawa pemboleh ubah-pemboleh ubah pendam bagi model-model pengukuran dalam model persamaan struktur ini secara signifikan dapat diwakili oleh pemboleh ubah-pemboleh ubah indikatornya dan boleh dipercayai.

Jadual 2: Analisis Faktor Pengesahan

Pemboleh ubah Indikator		Pemboleh ubah Pendam	C.R	P
Saluran berita	←	Media	4.355	0.000**
Laman web sosial	←	Media	4.496	0.000**
Blog dilayari	←	Media	3.688	0.000**
Isu universiti	←	Persepsi	3.746	0.000**
Isu kerajaan pusat	←	Persepsi	2.190	0.029*
Persatuan	←	Penglibatan	3.654	0.000**
Kokurikulum	←	Penglibatan	7.554	0.000**
Pertubuhan	←	Penglibatan	7.330	0.000**
Kefahaman politik	←	Literasi politik	6.682	0.000**
Pengetahuan politik	←	Literasi politik	6.797	0.000**

*Signifikan pada aras 5 %

**Signifikan pada aras 1%

Model persamaan struktur dibentuk oleh dua komponen modelnya, iaitu model pengukuran dan model struktur. Hipotesis bagi analisis model persamaan struktur adalah:

- H_0 : Data kajian sepadan dengan model persamaan struktur bagi tanggungjawab politik
 H_1 : Data kajian tidak sepadan dengan model persamaan struktur bagi tanggungjawab politik


Jadual 3: Nilai Kesepadan Model Persamaan Struktur

Indeks kesepadan	Model hipotesis	Nilai titik potong	Keterangan model
χ^2	176.434	Besar	Kurang baik
Nilai-p	0.000	$0.01 \leq p \leq 0.05$	Kurang baik
CMIN/df	3.267	≤ 3	Boleh diterima
GFI	0.980	≥ 0.95	Baik
TLI	0.824	≥ 0.80	Baik
CFI	0.878	≥ 0.90	Boleh diterima
RMSEA	0.041	≤ 0.05	Baik
PCLOSE	0.986	$0.10 < p \leq 1.00$	Baik

Bagi kajian yang menggunakan saiz sampel kajian yang besar, ralat pensampelan (Ralat Jenis II) yang besar mungkin menyebabkan keputusan ujian Khi Kuasa Dua *Goodness-of-Fit* menjadi signifikan walaupun perbezaan antara data kajian dan model hipotesis adalah kecil. Oleh itu, pengkaji harus merujuk kepada petunjuk model fit yang lain untuk mengesan kesepadan data kajian dengan model. Dua petunjuk model fit yang sering digunakan ialah *Baseline Comparisons* dan RMSEA (*Rootmean Square Error of Approximation*). Jadual 4 menunjukkan hampir kesemua nilai indeks kesepadan (CMIN/df, GFI, TLI, CFI dan RMSEA) memenuhi julat yang diingini. Oleh yang demikian, H_0 diterima dan dapat disimpulkan bahawa data kajian sepadan dengan model persamaan struktur bagi tanggungjawab politik.

Terdapat hubungan yang signifikan antara umur dengan identiti pelajar ($C.R=2.993$, $r=0.082$, $p<0.05$), media dengan identiti pelajar ($C.R=2.951$, $r=0.173$, $p<0.05$) dan umur dengan media ($C.R=-3.644$, $r=-0.245$, $p<0.001$). Pekali korelasi antara ketiga-tiga pemboleh ubah ini menunjukkan bahawa korelasi adalah sangat lemah. Nilai pekali korelasi antara umur dengan media lebih tinggi berbanding yang lain dan mempunyai hubungan yang negatif. Ini menunjukkan semakin meningkat umur pelajar, semakin kurang penglibatan dalam media sama ada elektronik mahupun media cetak.

Semua pemboleh ubah pendam bagi model persamaan struktur ini secara signifikan dapat diwakili oleh pemboleh ubah-pemboleh ubah indikatornya. Merujuk pada Rajah 2, penglibatan dalam laman web sosial ($\beta=0.511$) paling menerangkan faktor media sebanyak 26 peratus daripada blog dilayari dan saluran berita. Faktor persepsi pula paling disumbangkan oleh isu kerajaan pusat ($\beta=0.544$) sebanyak 54 peratus berbanding isu universiti manakala faktor penglibatan paling disumbangkan oleh skor pertubuhan ($\beta=0.581$) sebanyak 34 peratus berbanding skor persatuan dan skor kokurikulum. Kefahaman politik ($\beta=0.720$) paling menyumbang kepada pemboleh ubah pendam literasi politik sebanyak 52 peratus berbanding pengetahuan politik.



Rajah 2: Hasil Analisis Model Persamaan Struktur

Berdasarkan kepada Jadual 5, faktor identiti pelajar menyumbang paling tinggi kepada persepsi diikuti oleh faktor umur pada aras signifikan 5 peratus ($C.R=2.197$, $\beta=0.476$, $p<0.05$). Faktor media tidak mempengaruhi persepsi pelajar disebabkan nilai nisbah kritikalnya kurang daripada 1.96 pada aras signifikan 5 peratus. Bagi faktor penglibatan pelajar dalam pertumbuhan, kokurikulum dan persatuan disumbangkan oleh faktor media ($C.R=3.452$, $\beta=0.350$, $p<0.001$) dan faktor umur ($C.R=-2.518$, $\beta=-0.118$, $p<0.012$) manakala tidak dipengaruhi oleh identiti pelajar itu sendiri. Ini menunjukkan umur mempengaruhi secara negatif iaitu apabila umur bertambah, semakin kurang penglibatan. Faktor identiti pelajar ($C.R=9.865$, $\beta=0.401$, $p<0.001$) menyumbang paling tinggi kepada literasi politik pelajar berbanding media dan umur. Pemboleh ubah tanggungjawab politik pula disumbangkan oleh literasi politik ($C.R=4.148$, $\beta=0.236$, $p<0.001$) diikuti oleh persepsi dan penglibatan pelajar.

Selain itu, terdapat hubungan signifikan antara umur dengan persepsi, penglibatan dan literasi politik. Identiti pelajar mempunyai hubungan dengan persepsi dan literasi politik tetapi tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penglibatan. Faktor media juga mempengaruhi persepsi pelajar dan literasi politik yang terdiri daripada pengetahuan dan kefahaman politik tetapi tidak mempengaruhi persepsi pelajar. Tanggungjawab politik pula dipengaruhi oleh faktor persepsi, penglibatan dan literasi politik.

Jadual 4: Nilai Pekali Regresi Terpiawai, Nisbah Kritikal dan Nilai-p Bagi Model Persamaan Struktur

	Lintasan	β	C.R	P
Umur	→ Persepsi	0.253	2.035	0.042*
Identiti pelajar	→ Persepsi	0.476	2.197	0.028*
Media	→ Persepsi	0.119	1.159	0.247
Umur	→ Penglibatan	-0.118	-2.518	0.012*
Identiti pelajar	→ Penglibatan	0.032	0.740	0.459
Media	→ Penglibatan	0.350	3.452	0.000**
Umur	→ Literasi politik	0.228	5.316	0.000**
Identiti pelajar	→ Literasi politik	0.401	9.865	0.000**
Media	→ Literasi politik	0.399	4.005	0.000**
Persepsi	→ Tanggungjawab politik	0.132	2.875	0.000**
Penglibatan	→ Tanggungjawab politik	0.116	2.929	0.003*
Literasi politik	→ Tanggungjawab politik	0.236	4.148	0.000**

*Signifikan pada aras 5 %

**Signifikan pada aras 1%

Umur mempengaruhi persepsi secara positif dan persepsi mempengaruhi tanggungjawab politik secara positif menunjukkan jika umur pelajar bertambah, semakin positif persepsi mereka yang diterangkan oleh isu kerajaan pusat dan semakin tinggi tahap tanggungjawab politik pelajar. Umur dan penglibatan mempunyai hubungan yang songsang manakala penglibatan mempunyai hubungan yang terus kepada tanggungjawab politik. Lintasan ini menunjukkan jika umur pelajar semakin bertambah, semakin kurang melibatkan diri dalam kegiatan di dalam dan luar universiti seterusnya semakin kurang tahap tanggungjawab politik mereka. Hubungan antara umur dengan literasi politik dan antara literasi politik dengan tanggungjawab politik juga positif. Ini menunjukkan semakin bertambah umur, semakin tinggi literasi politik yang diterangkan oleh kefahaman politik seterusnya meningkatkan tahap tanggungjawab politik.


Identiti pelajar mempengaruhi persepsi dan persepsi mempengaruhi tanggungjawab politik secara positif. Semakin tinggi identiti pelajar, semakin positif persepsi seterusnya semakin tinggi tahap tanggungjawab politik. Penglibatan pelajar tidak dipengaruhi oleh identiti pelajar kerana soalan-soalan dalam identiti tidak dapat menerangkan hubungan antara kedua-dua faktor ini. Identiti pelajar mempengaruhi literasi politik dan literasi politik menyumbang kepada tanggungjawab politik menunjukkan semakin beridentiti seseorang pelajar, semakin tinggi literasi politik seterusnya akan meningkatkan tahap tanggungjawab politik.

Faktor media tidak mempengaruhi persepsi pelajar tetapi mempengaruhi penglibatan dan paling mempengaruhi literasi politik sebanyak 40 peratus. Semakin tinggi penglibatan dalam media yang diterangkan oleh penglibatan laman web sosial, semakin tinggi juga penglibatan dalam kegiatan di universiti seterusnya meningkatkan tahap tanggungjawab politik mereka iaitu untuk keluar mengundi pilihan raya kampus dan mendaftar sebagai pengundi dengan SPR. Begitu juga jika pelajar ini aktif dalam melayari internet, semakin tinggi literasi politik dan semakin tinggi tahap tanggungjawab politik mereka.

Kesimpulan

Hasil analisis menggunakan perisian AMOS 19 menunjukkan data kajian sepadan dengan kesemua empat model pengukuran. Kesemua hipotesis nul bagi analisis faktor pengesahan ini ditolak dan menunjukkan bahawa item-item yang dipilih dapat mewakili empat pemboleh ubah

pendam dalam model dan boleh dipercayai. Empat pemboleh ubah pendam tersebut adalah media, persepsi, penglibatan dan literasi politik. Berdasarkan kepada analisis model persamaan struktur, data kajian sepadan dengan model yang dicadangkan. H nul diterima kerana memenuhi semua nilai indeks kesepadan yang ditetapkan. Dalam kajian ini, terdapat faktor yang diterangkan oleh dua dan tiga indikator bagi mencapai kesepadan model. Oleh yang demikian, model yang dihasilkan adalah seperti dalam Rajah 3.



Rajah 3: Model Tanggungjawab Politik Pelajar

Rujukan

- Caldwell, J.C. 1996. Demography and social science. *Journal of Population Studies* 50: 305-333
- Claes, H.V. & Hajo, B. 2006. New, political knowledge and participation: the differential effects of news media exposure on political knowledge and participation. *Acta Politica* 41: 317-341.
- Daire, H., Joseph, C. & Michael, M. 2008. Structural Equation Modelling: Guidelines for Determining Model Fit. *Eletronic Journal of Business Research Methods* 6(1): 53-60.
- Denver, D. & Hands, G. 1990. Does studying politics make a difference? The political knowledge, attitudes and perceptions of school students. *British Journal of Political Science* 20: 263-288.
- Hair, J.R., Anderson R.E., Tatham, R.L. & Black, W.C. 2006. *Multivariate Data Analysis*. 6th Ed. Prentice-Hall, Inc.
- Hu, L. & Bentler, P.M. 1999. Cutoff criteria for fit indexes in covariance structure analysis: Conventional criteria versus new alternatives. *Structural Equation Modeling* 6(1): 1-55.
- Indriani Rahmawati. 2014. The impact of social media use on young adults'political efficacy, political knowledge and political participation towards 2014 Indonesia General Election. Master Thesis Communication Studies, Faculty of Behavioral Sciences, University of Twente.
- Jung, N., Kim, Y. & Gil De Zuniga, H. 2011. The mediating role of knowledge and efficacy in the effects of communication on political participation. *Mass Communication and Society*, 14: 407-430.

- Kaid, L. L., McKinney, M. & Tedesco, J. 2007. Introduction: political information efficacy and young voters. *American Behavioral Scientist*, 50: 1093-1111.
- Mc Combs, M.E. & Becker, L.B. 1979. *Using Mass Communication Theory*. New Jersey: Prentice Hall.
- Mohd. Shuhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Generasi Baru.
- Rosmida Abdul Rahman. 1999. Kembalikan student power. *Tamadun*, November 1997: 56.
- Schermelleh-Engel, K., Moosbrugger, H. & Muller, H. 2003. Evaluating the Fit of Structural Equation Models: Test of Significance and Descriptive Goodness-of-Fit Measures. *Methods of Psychological Research Online* 8(2): 23-74.
- Wee Eng Hoe. 1994. *Gerak kerja kokurikulum (sukan)*. Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Wormald, E. 1988. Political literacy in a newly independent country: Papua New Guinea.
- Yusliza Yakimir Abd Talib. 2011. 3.7 juta Belum Daftar. http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/3_7jutabelumdaftar/Article/index_html [3 Disember 2011].